

# Matrix Concepts ceburi sektor penjagaan kesihatan

**Matrix Concepts Holdings Bhd**, menerusi anak syarikatnya, Matrix Medicare Sdn Bhd (MM-SB) menceburi sektor penjagaan kesihatan dengan memeterai perjanjian pengurusan bersama Pusat Haemodialisis Mawar (PHM) bagi menguruskan operasi hospital pakar, pusat haemodialisis dan klinik.

Di bawah terma perjanjian, MM-SB secara eksklusif akan menguruskan pusat berkenaan untuk tempoh 30 tahun, dengan menyediakan perkhidmatan berkaitan perkara bukan klinikal termasuk kewangan, pentadbiran serta pengurusan sumber.

Penerokaan terkini kumpulan harta tanah itu dijangka menghasilkan aliran pendapatan berulang yang stabil dan akan menyaksikannya terus mempelbagaikan asas perolehan, dengan portfolionya kini merangkumi unit perniagaan pembinaan, pendidikan dan hospitaliti.

Pengerusi Matrix Concepts, Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin, berkata sejak penyeraian, kumpulan aktif mempromosi dan memperluas jenama Matrix Concepts melangkaui pembangunan harta tanah dan lokasi tradisinya di Negeri Sembilan.

"Bagi meneruskan agenda ini, kami sentiasa mengekalkan komitmen memperkayakan kehidupan orang di sekeliling dan dengan menceburi bidang baharu ini, kami berharap untuk menyediakan penjagaan kesihatan yang berkualiti, namun mampu milik," katanya.

PHM adalah pertubuhan kebajikan bebas yang ditubuhkan pada 1995 bagi menyediakan rawatan untuk pesakit buah pinggang dan seterusnya mengasaskan Pusat Perubatan Mawar (PPM), sebuah hospital pakar.

PPM menghentikan operasi pada November 2018 selepas lesen operasi ditarik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, namun lesen baharu untuk mengendalikan pusat berkenaan diluluskan pada 11 September lalu.

 Dengan menceburi bidang baharu ini, kami berharap untuk menyediakan penjagaan kesihatan yang berkualiti, namun mampu milik.

*Mohamad Haslah  
Mohamad Amin,  
Pengerusi Matrix Concepts*